

E-MEL TIDAK RASMI

Daripada : ridzuan_mahmud@ewarkah.com

Kepada : ali_fuad@elite.com

Subjek : Kegiatan Cuti Sekolah 6

Ali

Apa khabar? Saya baik-baik sahaja. Saya berharap awak sekeluarga sihat sentiasa.

Tujuan saya menulis emel ini adalah untuk menceritakan kegiatan-kegiatan yang saya lakukan semasa cuti sekolah bulan September seperti melancong, bersukan dan berkelah.

Saya sekeluarga pergi melancong ke Bali selama empat hari. Tempat-tempat di sana sangat menarik dan indah dipandang mata. Saya amat seronok ketika bermandi-manda di lautnya yang biru. Kami juga berpeluang menjamu selera berdekatan dengan sebuah gunung berapi. Udaranya dingin dan nyaman. Saya berasa gembira kerana dapat meluangkan masa dengan ahli keluarga saya. Selalunya, kami tidak berpeluang untuk makan bersama-sama di rumah kerana kepadatan jadual harian.

Selain itu, saya juga meluangkan masa dengan bersukan. Kami sekeluarga sangat gemar menunggang basikal. Kami mengambil peluang cuti sekolah ini untuk ke pantai East Coast dan menyewa basikal di situ. Kami telah menunggang basikal di tepi pantai sambil menikmati udara segar. Badan kami lebih cergas setelah berbasikal selama dua jam.

Akhir sekali, saya juga pergi berkelah di Taman Botani Singapura dengan rakan-rakan sekelas. Kami membawa pelbagai juadah dari rumah seperti kuih-muih, keropok, roti dan sebagainya untuk dinikmati. Saya berborak-borak, bermain permainan kad dan merakam gambar bersama-sama mereka. Kami dapat mengenali satu sama lain dengan lebih dekat dan merapatkan lagi ukhuwah bagai isi dengan kuku.

Itu sahaja yang dapat saya kongsi bersama awak untuk kali ini. Saya menunggu balasan e-mel daripada awak. Sehingga berjumpa lagi pada lain masa.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas

Ridzuan

E-MEL RASMI

Daripada: nur.haziqah@emel.com

Kepada: cikgu@emel.com

Subjek: Darmawisata ke Korea Selatan

Cikgu Fairuz,

Saya, Nur Haziqah Binte Haron, dari kelas 5N1, ingin menyarankan sebuah program darmawisata ke Seoul, Korea Selatan. Di dalam e-mel ini, saya akan terangkan lebih lanjut tentang rancangan program ini.

Secara ringkas, berdarmawisata ke Seoul boleh meluaskan ilmu pengetahuan kita tentang budaya dan tradisi mereka. Contohnya, makanan-makanan mereka. Di sana, makanan-makanan terkenal mereka ialah bibimbap, kimbap, nasi goreng kimchi dan tteokbokki. Kita dapat merasai makanan lain apabila di sana. Kebanyakan *pencuci mulut* terdiri daripada kacang merah.

Selain itu, kami boleh mempelajari tradisi mereka. Terdapat berbagai-bagai baju tradisional Korea yang ada tetapi pada masa sekarang mereka memakai Hanbok moden. Hanbok moden ialah jaket cerah yang diikat dengan busur hiasan yang berbeza dengan bahagian bawah yang gelap dalam versi ini. Terdapat tujuh puluh peratus permainan tradisional Korea yang dimainkan pada musim sejuk seperti seokjeon, jeopo, yut dan lain lagi.

Seoul ialah negeri yang besar di Korea Selatan. Terdapat banyak tempat-tempat yang menarik. Salah satu tempatnya ialah Sungai Han. Sungai Han mempunyai pemandangan yang indah pada waktu malam. Lampu dipancarkan membentuk suasana romantis dengan lampu berwarna-warni, jenis air terjun atau air pancut yang dibuat dengan pelbagai air bergerak yang cenderung untuk membuat Sungai Han begitu menakjubkan. Muzium-muzium di Seoul menunjukkan bagaimana kehidupan di Seoul. Muzium ini ada barang-barang yang paling bersejarah dan 100,000 barang dari zaman purba melalui Dinasti Joseon telah ditunjukkan. Itaewon pula masih kawasan utama pada waktu malam untuk bersuka-ria. Terdapat sebuah masjid besar di Seoul yang boleh kami ziarahi kerana majoriti ahli untuk lawatan ini terdiri oleh murid-murid Muslim.

Saya mencadangkan hanya murid-murid menengah atas yang sesuai untuk program ini kerana kami boleh membentuk kumpulan yang kecil dan mudah untuk dikawal guru.

Sekian sahaja yang dapat saya sampaikan kepada puan. Saya harap puan memilih Seoul sebagai lokasi kami berdarmawisata selepas mempertimbangkan cadangan-cadangan saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Nur Haziqah Binte Haron.